

BULETIN

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN
EDISI 10 2025

F
P
N
S
3



fpnuitmn9s3



<https://encr.pw/FakultiPerakaunanS3>

Webinar ACC526: Disebalik Audit Cukai dan Siasatan Cukai

Siti Hawa Shuid

Dalam dunia percukaian yang semakin kompleks dan dinamik, pemahaman mengenai kepentingan audit cukai dan siasatan cukai adalah amat penting. Bagi memperkukuh pengetahuan pelajar dalam bidang ini, Fakulti Perakaunan telah menganjurkan webinar bertajuk “*The Reality Behind Tax Audits & Tax Investigations*” pada 3 Januari 2025. Program ini diadakan secara atas talian khusus untuk pelajar semester 4 program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Korporat yang mengambil kursus *Taxation 2* (ACC526), selari dengan silibus kursus.

Program ini telah menjemput Dr. Zuriahati Zainal dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Kuala Lumpur, sebagai penceramah. Beliau telah berkongsi pengalaman sebagai pegawai audit cukai, yang memberikan pendedahan langsung kepada para pelajar mengenai realiti proses audit dan siasatan cukai di Malaysia.

Audit Cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967

Dr. Zuriahati telah menerangkan pelbagai kategori audit cukai yang dijalankan oleh LHDN seperti di dalam Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Kategori audit cukai

Namun, bidang tugas beliau lebih bertumpu kepada audit cukai selain syarikat, seperti perniagaan milikan tunggal. Pelbagai kaedah audit yang telah digunakan oleh pihak LHDN dalam menjalankan proses audit seperti dalam Rajah 2.



Kaedah Audit:

- Untung Kasar
- Ujian Kemampuan
- Input-Output
- Kaedah Bank
- Sumber Pihak Ketiga
- Analisis Nisbah Kewangan

Rajah 2: Kaedah audit cukai

Dr. Zuriahati juga berkongsi pengalaman lapangan, seperti melakukan pemerhatian di premis auditee dan menemubual mereka untuk mendapatkan maklumat. Beliau menekankan beberapa cabaran utama yang dihadapi semasa audit, antaranya:

- kurangnya kerjasama daripada pihak auditee.
- dokumen bukti yang hilang, rosak, atau musnah akibat bencana seperti banjir.
- auditee kurang pengetahuan mengenai keperluan audit.

Beliau memberi contoh menarik seperti:

- Auditee yang menjual kereta terpakai hanya menyediakan kerusi kereta lama sebagai tempat audit, bukan kerusi dan meja yang lebih selesa.
- Sebuah klinik yang menyediakan tiga set rekod perakaunan berbeza yang merupakan satu amalan merekod yang tidak betul.

Siasatan Cukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967

Walaupun Dr. Zuriahati tidak terlibat secara langsung dalam siasatan cukai, beliau juga telah menerangkan berkenaan dua kategori utama siasatan cukai, iaitu:

- Cawangan pematuhan strategik
- Cawangan siasatan jenayah

Siasatan cukai lebih tertumpu kepada pembayar cukai yang disyaki melakukan penipuan atau pengelakan cukai. Lawatan pemeriksaan dalam siasatan cukai biasanya dilakukan secara mengejut, berbeza dengan audit cukai yang lebih terancang.

Penutup Program

Dr. Zuriahati menekankan kepentingan bagi para pelajar dalam membina ciri-ciri positif untuk berjaya dalam bidang kerjaya, terutamanya bidang percukaian seperti yang dinyatakan dalam Rajah 3.




Rajah 3: Ciri-ciri positif yang perlu dibentuk oleh para pelajar

Beliau menggalakkan generasi muda untuk membawa perubahan positif dalam sistem percukaian negara dengan mempersiapkan diri menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang sebenar.

Kesimpulan

Gambar 1 menggambarkan sesi webinar di mana Dr. Zuriahati Zainal berkongsi pengalaman beliau sebagai pegawai audit cukai. Perkongsian ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan langsung kepada para pelajar mengenai realiti proses audit dan siasatan cukai di Malaysia. Webinar ini sangat berharga kerana ia membantu memperkukuh pemahaman pelajar tentang peranan kritikal LHDN dalam memastikan kepatuhan cukai dan integriti sistem percukaian negara.



Gambar 1: Webinar bersama Dr Zuriahati Zainal